


## Kedai dobi, barang elektrik, logam dibenar beroperasi

| | 17 April 2020



Gambar hiasan. - Foto 123RF

**PUTRAJAYA** - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) hari ini mengumumkan tiga sub sektor tambahan dibenarkan beroperasi dalam tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) fasa tiga yang berakhir 28 April ini.

Menterinya, Datuk Alexander Nanta Linggi berkata, tiga sub sektor berkenaan ialah kedai barang logam, kedai barang elektrik dan elektronik (tidak termasuk kedai peralatan telekomunikasi dan peralatan ICT) serta perkhidmatan dobi penuh.

"Semua permohonan bagi sub sektor tambahan tersebut hendaklah dikemukakan kepada Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) secara dalam talian di laman sesawang [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my) /<https://application.miti.gov.my>.

"Hanya permohonan yang menepati syarat Prosedur Operasi Standard (SOP) dan lengkap akan dipertimbangkan. Permohonan yang diterima selain daripada melalui portal tersebut tidak akan diproses," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Menurutnya, syarikat di bawah subsektor tambahan itu yang ingin mengemukakan permohonan hendaklah memastikan lokasi operasi syarikat tidak berada di zon merah dan kuning atau yang dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD).

"Kebenaran beroperasi juga tertakluk kepada pematuhan syarat ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN), Kementerian Kesihatan (KKM), pihak berkuasa tempatan (PBT) dan garis panduan lain-lain agensi penguatkuasaan yang berkaitan dari semasa ke semasa.

"Kegagalan syarikat untuk berbuat demikian boleh mengakibatkan kebenaran beroperasi dibatalkan serta-merta," katanya.

Dalam pada itu, Alexander berkata, syarikat yang menjalankan aktiviti rantaian pembekalan makanan, e-dagang serta perkhidmatan pengedaran yang menerima pengesahan kebenaran daripada KPDNHEP sebelum atau pada 14 April lalu tidak perlu mengemukakan permohonan baharu dan boleh meneruskan operasi sepanjang tempoh PKP berkuat kuasa.

"Surat kelulusan yang dikeluarkan sebelum ini masih berkuat kuasa dan terpakai.

"Permohonan aktiviti rantaian pembekalan makanan, e-dagang dan perkhidmatan logistik dikemukakan kepada KPDNHEP sebelum ini dan masih belum terima pengesahan kebenaran untuk beroperasi, boleh buat permohonan baharu secara dalam talian di laman sesawang [www.miti.gov.my](http://www.miti.gov.my)," katanya. - Bernama

**<https://www.sinarharian.com.my/article/79301/BERITA/Nasional/Kedai-dobi-barangan-elektrik-logam-dibenar-beroperasi-1.79301>**